



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **9 Dis 2020 (Rabu)**

#### **Berita Harian**

APEC 2020 ilhamkan visi elak malapetaka kesan COVID-19	1
Minuman dpercayai guna logo halal tanpa kelulusan dirampas	2
Kolam ternakan ikan punca pencemaran, 4 loji henti tugas	3
MPS roboh tiga stor haram	4

#### **Utusan Malaysia**

Pembukaan masjid, surau: Tunggu arahan Sultan Selangor	5
Kolam keli haram punca cemar	6
Program pendigitalan baharu sokong Jendela	7

#### **Harian Metro**

861 kawasan alami tekanan air rendah	8
Kolam ternak ikan keli punca air tercemar	9

#### **Kosmo**

Hukuman gantung Azilah kekal	10
Empat LRA dihenti tugas lima jam	11
Nazeera Sardi tidak terkilan	12

#### **Sinar Harian**

Pemuda UMNO desak kerajaan campur tangan	13
Syarikat minuman diserbu guna logo halal tidak sah	14
3 lai premis haram diroboh	15
Kolam ternak ikan keli punca sungai tercemar	16

#### **AlHijrah**

Tiga Premis Haram Diroboh MPS Telah Keluar Notis Banyak Kali	17
--	----

#### **Astro Awani**

Bekalan Air Dijangka Pulih Secara Berperingkat Bermula 3.00 Petang	18
Bekalan Air Dijangka Pulih Secara Berperingkat Bermula 3.00 Petang	19
Kali Pertama LUAS Buka Kertas Siasatan Di Bawah Seksyen 79	20
Tinjauan Pencemaran Air	21

#### **Berita Harian Online**

Bekalan air pulih di 430 kawasan pulih - Air Selangor	22
Kolam ternakan keli punca pencemaran Sungai Selangor	23
MPS roboh stor haram dekat sungai	24

#### **Bername News Channel**

Sisa Air Kolam Ternak Keli Haram Punca Pencemaran Bau	25
---	----

#### **hmetro.com.my**

3 premis haram diroboh di Rawang	26
Angkara kolam keli, penduduk Selangor merana [METROTV]	27
Bekalan air pulih di 430 kawasan setakat jam 6 petang	28

#### **KOSMO Online**

Gangguan bekalan air pulih 3 petang	29
-------------------------------------	----



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



Kolam ikan keli jadi punca empat loji dihenti tugas	30
Syarikat kolam ikan keli berdepan denda RM1juta	31
Syarikat kolam ikan keli berdepan denda RM1juta	32
<b>Malaysiakini (English)</b>	
Buangan air kolam ikan keli punca pencemaran bau	33
Loji Rantau Panjang, Sg Selangor kembali beroperasi	34
Mahkamah Persekutuan kekal hukuman mati Azilah bunuh Altantuya	35
<b>RTM1</b>	
Pembuangan Air Ternakan Ikan Keli Punca Pencemaran Bau Di Sungai Selangor	36
<b>Selangor TV</b>	
Kadar Penyalahgunaan Dadah Di Selangor Rendah – MB	37
Kes Salah Guna Dadah Di Selangor Terendah	38
Kolam Ikan Punca Empat LRA Henti Tugas	39
Kolam Ikan Punca Pencemaran Sungai Selangor	40
MB: SOP Solat Berjemaah Akan Diumumkan Dalam Masa Terdekat	41
MPS lancar sistem RTMPS, semak data dalam talian	42
<b>Sinar Harian Online</b>	
Gangguan air: 242 kawasan mula terima bekalan	43
Gangguan air: Bekalan dijangka pulih bermula jam 3 petang ini	44
Kolam ternak keli punca sungai tercemar	45
Tiga lagi premis haram dirobohkan	46
<b>Utusan Malaysia Online</b>	
Kolam ternakan ikan keli haram punca pencemaran	47
Pembukaan masjid, surau: Tunggu arahan Sultan Selangor	48
<b>The Star</b>	
COUNCIL MATTERS	49
On track to ending illegal dumping	50
'Catfish farm may be culprit'	51
Drainage upgrade to end floods at PJ school	52
Digitalisation development in new services sector blueprint a top priority	53
<b>New Straits Times</b>	
FISH POND LINK TO SELNAGOR RIVER POLLUTION	54
<b>Bernama News Channel</b>	
Water From Catfish Pond Causes Pollution In Sg Selangor	55
<b>Lite FM</b>	
Water From Catfish Pond Causes Pollution In Sg Selangor	56
<b>New Straits Times Online</b>	
More than 800 areas in Klang Valley affected by latest pollution in Sg Selangor	57
Sg Selangor pollution traced back to illegal fish pond	58
Sg Selangor Pollution Traced Back To Illegal Fish Pond	59
Sg Selangor pollution: Water supply to resume starting 3pm today	60
Taps begin flowing in water cut areas	61



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **NTV7**

Exco : Latest Pollution Traced Back To Illegal Fish Pond 62

## **The Malay Mail Online**

Air Selangor: Water supply restored in 50pc of affected areas as of 6pm 63

Water from catfish pond causes pollution in Sungai Selangor, says state exco 64

## **The Malaysian Reserve**

Highest cases remain in selangor 2 new clusters detected 65

## **The Star Online**

Air Selangor: Water supply stabilises in 430 areas following unscheduled disruption 66

Latest water crisis indirectly highlights Selangor Pakatan's past failures, says state MCA 67

No water cuts following latest pollution incident at Sg Selangor, says Hee Loy Sian 68

## **TheStarTV**

No Water Cuts Following Latest Pollution Incident At Sg Selangor 69

## **Sin Chew Daily**

Culprit that polluted the Selangor river has been found, catfish farm operator will be charged 70

MB: Amendments to increase penalties, pollution of rivers can be fined RM1 million and 3 years in prison 71

MPAJ in conjunction with law enforcement, start disinfection and take action on those violate SOP 72

MPS and others are dispatched again to demolish illegal factories along the river in Rawang 73

The monument located outside SK Kampong Tunku was mistaken for an electric box 74

MBPJ allocates RM690,000 to upgrade the flood prevention pond to relieve flash floods along PJ Templer road 75

Ng Chok Sin: Find the source of pollution in time, "Selangor government no longer has an excuse to stop water supply" 76

Well prepared due to frequent water cuts, hawkers store water early incase of emergency 77

Jelajah Usahawan Digital Selangor makes a "comeback", "Four in One" online course 78

## **Oriental Daily**

18 years of domestic violence, 79

Women with children cut seats

## **Makkal Osai**

Workshop at riverside - Municipal council demolish cow shed 80

861 places to experiance low water pressure 81

## **Malaysia Nanban**

Water treatment plant back to normal 82




**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>9 December 2020</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	APEC 2020 ilhamkan visi elak malapetaka kesan COVID-19
Muka Surat	:	7



# APEC 2020 ilhamkan visi elak malapetaka kesan COVID-19

Pastikan rantau Asia Pasifik lebih kuat berdepan sebarang krisis, pandemik

**Putrajaya:** Malaysia yang baru sahaja selesai menjalankan tugas sebagai tuan rumah persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2020 sudah tersenarai sebagai negara yang mendapat keutamaan menerima vaksin COVID-19 dari China.

Ini tanda persahabatan erat antara dua negara yang menjadi sebahagian daripada komuniti APEC dan diumumkan sendiri oleh Duta Besar Republik Rakyat China ke Malaysia, Bai Tian.

Menurut Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menerima kunjungan perpisahan daripada Bai Tian di pejabatnya di Parlimen pada 25 November lalu, Bai Tian turut menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia yang sentiasa memberi sokongan kepada China.

Dengan sejarah persahabatan yang dijalin sejak 1974, tidak hairanlah Malaysia diberi keutamaan, lebih-lebih lagi dengan semangat setiakawan ditunjukkan negara ketika China bergelut dengan COVID-19 akhir tahun lalu.

Hubungan baik turut terjalin bersama ekonomi rantau Asia Pasifik lain dalam mengesakan pandemik yang sudah meragut lebih



**Visi Putrajaya 2040 diumumkan Muhyiddin** menggantikan Matlamat Bogor mahu mewujudkan komuniti Asia Pasifik yang aman, terbuka dan dinamik menjelang 2040.

satu setengah juta penduduk dunia. Ini adalah anugerah terbaik hasil kerjasama di antara ekonomi APEC yang sentiasa terjalin sejak dahulu lagi.

COVID-19 dan masalah yang timbul akibat pandemik ini mendapat perhatian khas, pemimpin APEC serta pada mesyuarat pegawai, menteri dan ahli akademia sejak awal tahun lagi.

Mereka mengadakan perjumpaan maya yang dianjurkan Malaysia selaku hos APEC 2020, membincangkan cara meneruskan agenda ekonomi dan kehidupan berikutan kebanyakan negara mengamalkan perintah kawalan pergerakan untuk memutuskan rantaian COVID-19 yang meruncing.

COVID-19 bukan sahaja menimbulkan masalah kesihatan. Lebih daripada itu, ia melumpuhkan ekonomi dunia dan melarat ke-

pada masalah sosial lain.

Namun, apa yang ketara, virus yang tidak memilih mangsa ini merapatkan lagi hubungan antara ahli APEC dalam usaha mencari jalan keluar daripada kemelut kesihatan paling teruk pada era ini.

Kali ini, perancangan pemimpin APEC adalah untuk jangka panjang melangkaui satu dekad, demi masa depan rantau dengan pengisytiharan Visi Putrajaya APEC 2040 yang bakal menggantikan Matlamat Bogor yang diperkenalkan pada 1994 dan mencapai tempoh matang akhir tahun ini.

Demi kesejahteraan rakyat dan masa depan ekonomi gagasan APEC, visi ini bermatlamat mewujudkan komuniti Asia Pasifik yang aman, terbuka, dinamik dan berdaya tahan menjelang 2040.

Dalam memperkasakan bidang inovasi dan teknologi digital, ada-

lah tepat pada masanya visi ini diperkenalkan.

COVID-19 menghuruhrakan ekonomi. Ia memaksa kita berada di rumah, tetapi inilah masa terbaik bagi teknologi digital memainkan peranan dalam memastikan budaya dan norma baharu ini dapat menjadi lebih efektif.

Pemimpin APEC berpandangan jauh. Teknologi digital sering menjadi topik pada mesyuarat sebelum ini, oleh itu 2020 adalah masa untuk menauai apa yang telah disemai. Tahun yang penuh cabaran ini seharusnya dipergunakan sebaik mungkin untuk memperkasa ekonomi digital.

Negara anggota juga bersetuju memperkasakan bidang inovasi dalam mewujudkan persekitaran ekonomi yang lebih utuh.

Visi yang diumumkan Muhyiddin akan memastikan rantau Asia Pasifik menjadi lebih kuat dalam berdepan sebarang krisis, pandemik atau kecemasan.

Kemakmuran ekonomi memberi manfaat kepada semua dan negara anggota perlu meneruskan usaha sama untuk tadbir urus yang lebih efisien.

Pendekatan Kemakmuran Bersama yang dijayakan di Malaysia berupaya mengagihkan hasil kekayaan secara lebih saksama.

Visi Putrajaya 2040 bermatlamat mewujudkan komuniti Asia Pasifik yang aman, terbuka, dinamik dan berdaya tahan menjelang 2040, demi kesejahteraan rakyat dan generasi masa depan.

Menerusi visi itu, anggota APEC memastikan Asia Pasifik terus menjadi rantau ekonomi di-

namik dan terkemuka dalam segmen perdagangan dan pelaburan, selain tidak melupakan Matlamat Bogor dalam mengintegrasikan ekonomi rantau berkenaan.

Bagi memastikan peranan APEC sebagai pentas utama kerjasama ekonomi serantau, negara anggota harus terus berusaha mempertahankan gabungan itu sebagai institusi usaha sama menerusi pihak berkepentingan dan mengamalkan tadbir urus yang baik.

APEC kali ini unik kerana diadakan secara maya disebabkan kejangkitan perjalanan, tetapi norma baharu ini dikatakan akan diteruskan oleh tuan rumah tahun depan iaitu New Zealand.

Ia terbahagi dalam lipatan sejarah, selain kehadiran Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump buat kali pertama (dan terakhir) pada mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC sejak 2017 sebelum jawatan itu diambali oleh Joe Biden pada 20 Januari tahun depan.

Ini kali kedua Malaysia terpilih sebagai tuan rumah. Kali pertama pada 1998 ketika dunia bergelut dengan krisis kewangan.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, baru-baru ini berkata, peruntukan penganggaran APEC 2020 dapat dijamin RM23.4 juta selepas format persidangan dilaksanakan secara maya.

Kementrian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah Sekretariat Kebangsaan APEC 2020.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>9 December 2020</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Minuman dipercayai guna logo halal tanpa kelulusan dirampas
Muka Surat	:	19

## Minuman dipercayai guna logo halal tanpa kelulusan dirampas

**Shah Alam:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Selangor (KPDNHEP) merampas produk minuman keluaran sebuah syarikat di sini kerana dipercayai menggunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tanpa kelulusan.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah, berkata kilang berkenaan yang terletak di kawasan perindustrian Bandar Pinggiran Subang, dekat sini, diserbu sepasukan penguat kuasa kementerian itu, kelmarin.

"Premis berkenaan diserbu selepas pemantauan dijalankan sejak sebulan lalu dan mendapati syarikat berkenaan masih menggunakan logo halal JAKIM yang sudah dibatalkan.

"Tindakan pembatalan dilakukan kerana syarikat itu gagal me-



**Muhamad Zikril Azan Abdullah**

matuhi syarat pemegang sijil halal ditetapkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) berikutan keadaan premis yang kotor serta bahan mentah diletakkan di atas lantai kilang.


"Ketika serbuan dijalankan, penguat kuasa menemui sejumlah 830 botol minuman kordial menggunakan logo halal JAKIM, 4,100

kotak pembungkus dan hampir 700 gulung pelekat atau label produk dengan logo halal," katanya, semalam.

Beliau berkata, penguat kuasa KPDNHEP menemui wakil syarikat yang mendakwa sudah membuat permohonan rayuan ke atas penarikan sijil halal syarikat itu, namun ditolak JAIS.

"Susulan itu semua produk minuman dianggarkan bernilai RM45,000 dirampas. Kes disiasat mengikut Peraturan 4 Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011," katanya.

Beliau memberi amaran dan peringatan kepada mana pengeluar produk makanan dan minuman di Selangor supaya tidak menggunakan logo halal JAKIM atau apa-apa ungkapan halal sewenang-wenangnya tanpa kebenaran pihak berkuasa bertanggungjawab.



**Anggota KPDNHEP** memeriksa minuman yang disita dari sebuah syarikat di kawasan perindustrian Bandar Pinggiran Subang, kelmarin.



**KERATAN AKHBAR**  
**9 December 2020**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kolam ternakan ikan punca pencemaran, 4 loji henti tugas
Muka Surat	:	22

## Kolam ternakan ikan punca pencemaran, 4 loji henti tugas

**Hulu Selangor:** Pelepasan air tercemar dari kolam ternakan ikan keli ke Sungai Selangor, di sini, dipercayai menjadi punca pencemaran bau seakan bangkai ikan yang menyebabkan empat Loji Rawatan Air (LRA) terpaksa dihenti tugas, kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian, berkata selain tidak mempunyai kebenaran merancang, kolam ternakan ikan itu juga didapati beroperasi tanpa kebenaran Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

"Kita dapati satu daripada 57 kolam di kawasan terbabit melepaskan air tercemar, pada jarak kira-kira 100 meter dari Sungai Selangor.

"Tanah digunakan untuk kolam ternakan ikan keli itu juga ada hak milik dan kegunaannya untuk ternakan air. Malangnya, mereka (pengusaha) tiada kelulusan untuk bangunan dan tiada lesen daripada MDHS," katanya ketika ditemui di Stesen Sementara Pemantauan Kualiti Statik C14/C22 Sungai Selangor, semalam.

Terdahulu, beliau sempat meninjau kawasan kolam seluas 45

hektar yang menempatkan 57 kolam ikan keli dengan setiap satu daripadanya boleh memuatkan sekitar 400,000 hingga 600,000 ikan keli.

Loy Sian berkata, pencemaran itu adalah kali kedua membabitkan kolam ternakan ikan keli dan pihaknya sudah menghantar enam sampel air kolam itu ke Jabatan Kimia untuk di analisis.

Katanya, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) akan membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 79 akta yang baru diluluskan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor dengan memperuntukkan hukuman minimum RM200,000 dan maksimum RM1 juta, manakala penjaranya tidak kurang tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Kita juga harap polis menjalankan siasatan mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan iaitu melakukan khianat dengan menyebabkan bahan buangan dilupuskan ke dalam sungai," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, henti tugas LRA Rantau Panjang jam 11.30 malam kelmarin juga



Loy Sian (kanan) ketika melawat kawasan kolam ternakan ikan keli dipercayai punca pencemaran dikesan di Sungai Selangor. (Foto Aswadi Alias/BH)



Bangkai ikan di kolam ternakan.

tidak mengakibatkan gangguan teruk kepada pengguna.

"Henti tugas yang berlarutan kurang lima jam itu hanya mencetuskan tekanan air rendah.

"Gangguan (air) ini tidak memberi gangguan sepenuhnya kepada pengguna kerana ia tidak melebihi tempoh 12 jam.

ia hanya menyebabkan air tidak stabil dan tekanan air rendah. Air memang ada," katanya.

Loy Sian turut meminta Kementerian Pertanian dan Industri Ma-

kan supaya campur tangan dalam aktiviti penternakan ikan di darat bagi mengelak isu seperti pencemaran sungai sehingga menjejaskan bekalan air kepada pengguna.

"Jadi, kita berharap mereka (kementerian) boleh kaji semula enakmen berkaitan untuk campur tangan kerana penternakan ini (ikan di darat) di bawah bidang mereka," katanya.

Sementara itu, Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri, berkata sehingga jam 6 petang semalam, bekalan air sudah stabil di 430 atau 50 peratus dari 861 kawasan yang terjejas.

Katanya, Air Selangor sedang

berusaha menstabilkan sistem agihan bekalan air di 431 kawasan yang masih lagi terjejas.

"Peraturan kawasan yang sudah stabil mengikut wilayah membabitkan Petaling sebanyak 67 peratus, Klang/Shah Alam (21 peratus), Gombak (42 peratus), Kuala Lumpur (75 peratus), Kuala Selangor (94 peratus) serta masing-masing Hulu Selangor dan Kuala Langat (0 peratus).

"Maklumat bekalan air akan dimaklumkan dari semasa ke semasa menerusi medium komunikasi Air Selangor, termasuk Twitter, Facebook, Instagram, aplikasi Air Selangor dan laman sesawang di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com)," katanya dalam satu kenyataan.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

### 9 December 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	MPS roboh tiga stor haram
Muka Surat	:	22

# MPS roboh tiga stor haram

Premis ingkar arahan operasi atas tanah kerajaan negeri sejak 5 tahun

Oleh Safeek Affendy Razali  
 bhnews@bh.com.my

**Gombak:** Pejabat Tanah dan MaJlis Perbandaran Selayang (MPS) merobohkan tiga stor haram yang beroperasi di atas tanah kerajaan Selangor berhampiran Taman Garing Permai, Rawang, di sini, sejak lima tahun lalu.

Operasi bermula jam 9.30 pagi semalam itu turut dibantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Yang Dipertua MPS, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor, berkata operasi membatalkan satu stor menyelenggara dan membaiki jentera berat, stor barangan lusuh dan sebuah syarikat yang mengendalikan kandang lembu serta reban ayam.

"Ketiga-tiga premis ini dibina atas tanah kerajaan sejak lima tahun lalu, dan mereka masih berdegil dan terus beroperasi meskipun pelbagai notis arahan me-

ngosongkan premis diberi sejak lima tahun lalu.

"Malah, kedudukan ketiga-tiga premis terbabit turut dikesan berhampiran sungai pada jarak 10 meter.

"Ini selari dengan apa yang diumumkan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, iaitu semua premis berhampiran sungai akan dirobuhkan," katanya ditemui selepas menge-tuai operasi berkenaan, semalam.

Beliau berkata, pihak Pejabat Tanah Selayang dan MPS sudah mengeluarkan notis serta pemak-luman supaya pemilik premis mengosongkan kawasan itu, termasuk yang terbaru pada minggu lalu.

"Namun, tiada tindakan berpinda diambil.

"Mereka ada memohon lesen operasi sementara tetapi tiada kebenaran diberikan terhadap industri bengkel penyelenggaraan jentera berat," katanya.



MPS menjalankan operasi meroboh bengkel jentera berat yang dibina di atas tanah kerajaan di Jalan Kuala Garing Rawang, semalam. (Foto Mahzir Mat Isa/BH)



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

9 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pembukaan masjid, surau: Tunggu arahan Sultan Selangor
Muka Surat	:	7

# Pembukaan masjid, surau: Tunggu arahan Sultan Selangor

**SHAH ALAM:** Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mempersembahkan prosedur operasi standard (SOP) bagi pembukaan masjid dan surau di seluruh negeri ini kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, antara SOP yang dipersembahkan ialah berkaitan bilangan jemaah yang dibenarkan untuk menunaikan solat berjemaah dan solat Jumaat, tatacara penganjuran majlis ceramah dan aktiviti kerohanian dan lain-lain lagi.

“Saya difahamkan semalam, JAIS serta Exco negeri yang bertanggungjawab dengan hal ehwal Islam telah menghadap Sultan Selangor bagi membentangkan cadangan untuk membuka masjid di Selangor.

“Selain itu, mereka juga membentangkan mengenai beberapa SOP bilangan je-



**AMIRUDIN SHARI**

maah yang dibenarkan untuk menunaikan solat berjemaah dan tatacara penganjuran majlis agama,” katanya ketika pemberita selepas merasmikan program Lorong Antidadah dan ibu pejabat Persatuan

Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) Selangor di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di sini semalam.

Ditanya bila masjid dan surau di negeri itu dijangka dibuka kepada orang awam, Amirudin memaklumkan, kuasa membuka masjid dan surau terletak sepenuhnya pada Sultan Sharafuddin sebagai ketua agama Islam di Selangor.

“JAIS akan mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung pembukaan masjid dan surau pada masa terdekat setelah mendapat perkenan Tuanku,” katanya.

Terdahulu, Pengarah JAIS, Mohd. Shahzihan Ahmad memberi kelonggaran menunaikan solat di semua masjid dan surau di daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Hulu Selangor.

Katanya, kelonggaran itu diberikan selepas mengambil kira trend menurun jangkitan Covid-19 di tiga daerah itu.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>9 December 2020</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kolam keli haram punca cemar
Muka Surat	:	10

## Kolam keli haram punca cemar

**HULU SELANGOR:** Beroperasi secara haram dengan menjalankan kegiatan penternakan ikan keli di kolam tanpa sebarang lesen perniagaan sejak 2004 dan tiada kelulusan bangunan (KM).

Perbuatan pemilik kolam ikan itu hanya dikesan selepas premis yang terletak di Mukim Sungai Tinggi, Hulu Selangor menjadi punca sistem agihan bekalan air di tujuh wilayah terjejas.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau, Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian berkata, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd (Air Selangor) mengesan ke-

san pencemaran bau 4 ton di Sungai Selangor kira-kira pukul 9.50 malam semalam.

Katanya, Air Selangor dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mendapati, kolam ternakan ikan keli itu punca pencemaran di Sungai Selangor yang jaraknya hanya 100 meter.


Katanya, kolam ternakan ikan keli seluas 45 hektar itu mendapat kebenaran pajakan selama 99 tahun terletak kira-kira 8.7 kilometer dari Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang.

Pemilik mengatakan dia dalam proses mengeringkan

kolamnya dan melepaskan sisa air ini sejak tujuh hari yang berakhir semalam.

“Siasatan mendapati tanah ini hak milik syarikat terbabit dan kegunaan tanah untuk ternakan air. Malangnya, mereka tidak ada KM dan tiada lesen perniagaan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS),” katanya semalam.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, syarikat penternakan kolam ikan keli itu bakal menjadi pesalah pertama didakwa menggunakan pindaan Enakmen LUAS 1999.



**PETUGAS LUAS** mengambil sampel air tercemar di lokasi kolam ternakan ikan punca pencemaran LRA Rantau Panjang di Bestari Jaya, Kuala Selangor, Selangor, semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>9 December 2020</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Program pendigitalan baharu sokong Jendela
Muka Surat	:	34

## Program pendigitalan baharu sokong Jendela

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kini memberi keutamaan tinggi kepada usaha pembangunan pendigitalan negara sehingga lima tahun akan datang.

Perkara itu ditegaskan Menteri-nya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (**gambar**) yang memberi jaminan bahawa semua program berkaitan disesuaikan berdasarkan rangka tindakan sektor perkhidmatan baharu.

“Segala program terkini melibatkan pendigitalan di bawah rangka tindakan 2021 hingga 2025 bakal menyokong dan melengkapi semua inisiatif Jalanan Digital Negara (Jendela)” katanya.

Beliau berkata demikian keti-

ka berucap secara maya merasmikan pembukaan Persidangan Digital dan Kepimpinan 2020: *Go BIG (Breakthrough, Integrity, Good) With Digital* di sini hari ini.

Turut hadir menyaksikan perasmian itu ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali dan Ketua Pengerah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Datuk Abdul Latif Abu Seman.

Sejumlah 1,000 peserta dari seluruh negara menyertai perisidangan selama sehari berkenaan yang dianjurkan oleh MPC dan platform agensi kelolaannya, Digital Productivity Nexus (DPN).

Mengulas lanjut, Mohamed



Azmin berkata, rangka tindakan pendigitalan nasional yang giat disusun merupakan sebahagian usaha berterusan bagi menja-

min kesejahteraan hidup rakyat.

“Kemunculan wabak Covid-19 telah mencipta rangkangan segera bagi Malaysia menyesuaikan norma baharu ke arah penyediaan kesalinghubungan akses digital berkualiti,” jelas beliau.

Ujarnya lagi, kerajaan baharu ini turut merumuskan Jendela untuk menambah baik kualiti perkhidmatan dan menjadi asas kepada pelaksanaan penuh liputan bertaraf 5G di seluruh negara.

Bahkan Mohamed Azmin yakin, pemasangan jaringan prasarana berteknologi tinggi akan dibuat secara trek pantas dalam usaha peralihan negara kepada capaian luas tanpa wa-

yar 5G.

“Dengan penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Industri 4.0, kerajaan menawarkan dasar jelas bertepatan lonjak kemajuan teknologi memacu pertumbuhan ekonomi,” katanya.

Malaysia jelasnya, yang berada pada kedudukan ke-33 daripada 144 negara dalam laporan daya saing teknologi komunikasi maklumat global, harus tidak lepas peluang untuk lebih maju.

Kesempatan terbaik itu kata Mohamed Azmin sepatutnya direbut selain kerjasama kukuh antara sektor awam dan swasta bagi perusahaan kecil dan sederhana yang dijana digital terbaik.



## KERATAN AKHBAR

9 December 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	861 kawasan alami tekanan air rendah
Muka Surat	:	4

# 861 kawasan alami tekanan air rendah

**Kuala Selangor:** Pencemaran sumber air mentah semalam, menyebabkan sebanyak 861 kawasan di wilayah Kuala Lumpur, Petaling, Klang / Shah Alam Gombak, Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Kuala Langat akan mengalami tekanan air rendah dan bekalan air tidak stabil.

Ia susulan henti tugas empat Loji Rawatan Air (LRA) iaitu LRA Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Rantau Panjang dalam tempoh lima jam disebabkan pencemaran air mentah di Sungai Selangor.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor)

berkata, pihaknya mendapati sistem agihan bekalan air berada dalam keadaan tidak stabil di mana kebanyakan tangki-tangki air di kawasan perumahan mengalami penyusutan mendadak, pagi semalam.

“Pengguna terjejas dijangka akan menerima bekalan air stabil bermula 3 petang ini (semalam) secara berperingkat,” katanya.

Menurutnya, Air Selangor akan menyediakan bantuan bekalan air dengan menggerakkan lori tangki ke kawasan terjejas dengan keutamaan kepada premis kritikal seperti hospital dan pusat dialisis.



## KERATAN AKHBAR

9 December 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kolam ternak ikan keli punca air tercemar
Muka Surat	:	4

# Kolam ternak ikan keli punca air tercemar

**Hulu Selangor:** Sisa kolam ternakan ikan keli yang tidak mempunyai Kebenaran Merancang (KM) dan beroperasi tanpa kebenaran Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dipercayai menjadi punca pencemaran Sungai Selangor sejak kelmarin.

Bau seakan-akan bangkai ikan mengalir ke sungai menyebabkan empat Loji Rawatan Air (LRA) terpaksa dihenti tugas serta-merta.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Hal Ehwal Orang Asli, dan Pengerusi Bersama Hal Ehwal Selain Hal Islam (HE-SI), Hee Loy Sian berkata, siasatan mendapati pencemaran itu ekoran tindakan pengusaha kolam ternakan melepaskan air kolam ke dalam Sungai Selangor.

“Kita mendapati sebuah kolam daripada 57 kolam di kawasan itu melepaskan air tercemar kira-kira 100 meter dari Sungai Selangor.

“Mereka (pengusaha kolam ikan) tiada kelulusan untuk bangunan KM dan tiada lesen dari MDHS,” ka-



*Sebuah kolam daripada 57 kolam di kawasan itu melepaskan air tercemar kira-kira 100 meter dari Sungai Selangor”*

**Hee Loy Sian**

tanya pada sidang media di Stesen Sementara Peman-tauan Kualiti Statik C14/C22 Sungai Selangor, di sini, semalam.

Beliau turut melakukan lawatan bersama beberapa agensi berkaitan mendapati kawasan seluas 40 hektar itu menempatkan 57 kolam ikan keli.

“Pencemaran ini adalah kali kedua berlaku memba-bitkan kolam ternakan ikan keli. Ia berlaku di tempat (kolam) berlainan dengan kes kali pertama berlaku Februari lalu,” katanya.

Hee berkata, pihaknya sudah menghantar enam sampel air kolam ternakan berkenaan ke Jabatan Kimia untuk dianalisa.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>9 December 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Hukuman gantung Azilah kekal
Muka Surat	:	8

# Hukuman gantung Azilah kekal

Oleh NORLIZAH ABAS

**PUTRAJAYA** – Bekas pegawai Unit Tindakan Khas (UTK), Azilah Hadri kekal menjalani hukuman gantung selepas Mahkamah Persekutuan di sini semalam menolak permohonan untuk menyemak keputusan terdahulu yang mensabit dan menghukumnya kerana membunuh wanita Mongolia, Altantuya Shaariibuu.

Ini bermakna bekas pegawai polis itu terlepas segala peluang untuk dibicarakan semula dalam usaha mengetepikan sabitan dan hukuman mati yang diputuskan oleh satu panel lain Mahkamah Persekutuan pada 2015.

Bagaimanapun, Azilah, 43, mempunyai satu peluang akhir iaitu untuk mendapat pengampunan daripada Sultan Selangor.

Panel lima hakim diketuai oleh Hakim Besar Malaya, Tan Sri Azahar Mohamed sebulat suara berpendapat tidak berlaku salah laksana keadilan terhadap Azilah, pelanggaran proses undang-undang mahupun keadaan-keadaan tertentu bagi membolehkan mahkamah membenarkan semakan itu.

Hakim Azahar berkata, dalam permohonan semakannya berkata, Azilah mengemukakan bukti keterangan baharu melalui akuan berkanun yang mengaitkan Datuk Seri Najib Razak selaku pihak yang mengeluarkan arahan pembunuhan Altantuya.

Pada hemat panel itu, bukti



**ALTANTUYA SHAARIIBUU**

baharu tersebut bukan sahaja tidak dikemukakan semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi malahan juga ketika rayuannya didengar di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Mahkamah turut berpendapat, Azilah bertindak mendiamkan sahaja bukti keterangan yang cukup material itu daripada pihak polis ketika siasatan dan juga tidak mendedahkan kepada para peguam yang mewakilinya.

Sehubungan itu, Hakim Azahar berkata, panel tidak dapat membenarkan permohonan semakan yang dikemukakan kerana mahkamah tiada bidang kuasa meneliti bukti keterangan itu.

Azilah memfailkan permohonan untuk semakan pada 5 Disember tahun lalu.

Azilah dan Sirul Azhar Umar, 47, telah disabitkan dan dijatuhi hukuman mati oleh Mahkamah



**AZILAH gagal dalam permohonan menyemak keputusan mensabitkannya dengan kesalahan membunuh seorang wanita.**

Tinggi Shah Alam pada 2009 atas pertuduhan membunuh Altantuya di Mukim Bukit Raja, Shah Alam dekat sini antara 10 malam, 19 Oktober 2006 dan 1 pagi keesokan harinya.

Mereka bagaimanapun telah dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Rayuan pada 2013 selepas rayuan dibenarkan.

Bagaimanapun, Mahkamah Persekutuan mengenyepikan keputusan Mahkamah Rayuan dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang mendapati mereka bersalah melakukan jenayah itu.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>9 December 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Empat LRA dihenti tugas lima jam
Muka Surat	:	16

Syarikat kolam ikan keli disyaki punca pencemaran berdepan denda RM1 juta

## Empat LRA dihenti tugas lima jam



LOY SIAN ( dua kanan) menghidu bau sampel air yang diambil daripada kolam ikan keli di Rawang semalam.

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**RAWANG** – Pencemaran terbaharu yang menyebabkan empat buah loji iaitu Loji Rawatan Air (LRA) Selangor Selangor Fasa 1 (SSP1), SSP2, SSP3 dan LRA Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas hampir lima jam bermula malam tadi disebabkan kolam ternak ikan keli tanpa lesen di sini.

Kejadian tersebut disyaki akibat pelepasan sisa pembuangan sebuah kolam daripada 57 buah kolam di kawasan tersebut yang menyebabkan pencemaran bau pada paras 4 ton di Sungai Selangor.

Kawasan kolam tersebut adalah seluas 45 hektar dan diusahakan Syarikat Pinang Kasturi sejak 2004 menerusi pajakan selama 99 tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor, Hee Loy Sian berkata, tindakan tidak bertanggungjawab itu mengakibatkan LRA Rantau Panjang dihenti tugas pukul 11.30 malam disusuli tiga buah loji fasa Sungai Selangor

pukul 1 pagi.

Katanya, ketika keempat LRA itu ditutup didapati bacaan pencemaran bau adalah 1 ton.

"Skuad pantas Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) yang memeriksa punca pencemaran tersebut mendapati bau bangkai ikan di Sungai Selangor.

Jelas beliau, siasatan lanjut mendapati pemilik kolam itu telah membuang sisa kumbahan itu bagi mengeringkan sebuah kolamnya.

"Laporan polis turut dilakukan pukul 3 pagi untuk tindakan lanjut," katanya.

Dalam pada itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pihaknya akan menggunakan pindaan Enakmen LUAS 1999 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1 juta dan penjara mandatori tidak melebihi tiga tahun kepada pesalah pencemar air.

"Kerajaan negeri tidak akan berlembut dengan pihak yang melakukan jenayah ini dan kita serius menangani kes pencemaran air di negeri ini," katanya.




**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>9 December 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Nazeera Sardi tidak terkilan
Muka Surat	:	24



**Prati Glam H**  
**Nazeera Sardi**  
 Nazeera Sardi tidak terkilan walaupun dalam situasi yang penuh ketidakpastian. Beliau berkata, beliau akan terus berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada semua orang yang terlibat dalam projek-projek yang sedang dijalankan. Beliau juga berkata, beliau akan terus berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada semua orang yang terlibat dalam projek-projek yang sedang dijalankan.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

9 December 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pemuda UMNO desak kerajaan campur tangan
Muka Surat	:	7

### Pemuda UMNO desak kerajaan campur tangan

**SHAH ALAM** - Pemuda UMNO mendesak kerajaan Perikatan Nasional (PN) di bawah pimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya segera campur tangan menghentikan penjualan 'luar tabii' oleh pengurusan Tabung Haji Plantation Berhad (THP) yang merupakan lantikan kerajaan Pakatan Harapan (PH) terdahulu.



ASYRAF WAJDI

Ketua Pemudanya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuqi berkata, ia jelas tidak memberi manfaat kepada THP dan juga 9.4 juta pendeposit Tabung Haji (TH).

Pada masa sama, beliau berkata, pihaknya turut meluahkan rasa kecewa susulan dakwaan Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim mengenai kelulusan penjualan aset tanah ladang kelapa sawit milik THP kepada Tamaco Plantation Sdn Bhd (Tamaco) dengan harga RM170 juta.

"Kami telah banyak kali mendesak Lembaga TH dan Pengurusan THP untuk tidak meneruskan penjualan kedua-dua syarikat Bumi Suria Ventures Sdn Bhd (BSV) dan Maju Warisanmas Sdn Bhd (MWM) yang memiliki 6,514 hektar tanah di Sarawak.

"Ini termasuklah melalui serahan memorandum membantah penjualan aset THP kepada Menteri di Pejabat Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali pada 30 November lalu di Lobi Parlimen Malaysia," katanya dalam satu hantaran di Facebook miliknya semalam.

Mengulas lanjut, Asyraf Wajdi berkata, harga jualan pada RM170 juta itu sememangnya tidak masuk akal kerana harga tersebut jauh lebih rendah daripada penilaian rasmi terakhir oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) ke atas aset ladang berkenaan iaitu RM198 juta.

Dalam pada itu, Asyraf Wajdi berkata, walaupun wujud syarat Tamaco untuk mengadakan pemilikan kepentingan bumiputera sebanyak 30 peratus dalam tempoh satu tahun, namun penjualan aset ladang tersebut telah musnah kerana harga satu tan Minyak Sawit Mentah (CPO) kini mencecah RM3,400.

"Potensi untuk memajukan tanah ini kelak amatlah tinggi kerana ia berhampiran dengan jajaran projek Lebuhraya Pan Borneo," katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 9 December 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Syarikat minuman diserbu guna logo halal tidak sah
Muka Surat	:	22

### Syarikat minuman diserbu guna logo halal tidak sah

KPDNHEP  
Selangor  
menyerbu  
sebuah  
syarikat  
produk  
minuman di  
Bandar  
Pinggiran  
Subang, Shah  
Alam kerana  
menggunakan  
logo halal  
tidak sah  
kelmarin.



SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor merampas produk minuman yang menggunakan logo halal tidak sah bernilai RM45,000 dalam serbuan di sebuah syarikat di Bandar Pinggiran Subang kelmarin.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, serbuan kira-kira jam 11.45 pagi itu mendapati syarikat berkenaan menggunakan logo Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) yang telah dibatalkan.

Menurutnya, ia disebabkan operasi syarikat berkenaan gagal mematuhi standard pemegang sijil halal seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) antaranya keadaan premis yang kotor dan bahan mentah diletakkan di atas lantai kilang.

"Serbuan menemui sejumlah 830 botol minuman kordial yang menggunakan logo halal Jakim yang telah dibatalkan penggunaannya.

"Turut ditemui adalah sejumlah 4,100 kotak pembungkus dan hampir 700 gulung pelekat atau label

produk yang menggunakan logo halal yang telah dibatalkan penggunaan oleh JAIS," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya juga dimaklumkan wakil syarikat terbabit bahawa permohonan rayuan ke atas penarikan sijil halal syarikat itu juga ditolak oleh pihak JAIS berikutan terdapat teguran-teguran yang dibuat gagal diambil tindakan sewajarnya dalam tempoh yang ditetapkan.

Katanya, kes disiasat di bawah Perenggan 4 Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>9 December 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	3 lai premis haram diroboh
Muka Surat	:	23

## 3 lagi premis haram diroboh

Bengkel jentera berat hanya dirobohkan sebahagian berikutan pemilik mohon lanjut tempoh pengosongan

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**

**RAWANG**

**W**alaupun beberapa kali diberi notis arahan supaya mengosongkan kawasan, namun tiga premis haram yang dibina di atas tanah kerajaan berhampiran Sungai Rawang di sini tetap degil dan meneruskan operasi perniagaan.

Disebabkan kedegilan itu, ketiga-tiga premis haram iaitu bengkel jentera berat, kandang lembu dan stor barang lusuh di Kuala Garing dirobohkan Maj-



Bengkel jentera berat di Kuala Garing dirobohkan oleh Majlis Perbandaran Selayang semalam.

lis Perbandaran Selayang (MPS) semalam.

Yang di-Pertua MPS, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor berkata, sehingga kini enam daripada lapan premis haram yang dikenal pasti beroperasi atas rizab kerajaan telah diambil tindakan.

"Ada pihak mempertikaikan dengan mengatakan ia tanah milik persendirian. Kalau diikutkan tanah ini mempunyai

pemilik, tetapi tempoh pajakannya telah tamat, maka tanah ini telah jadi hak milik kerajaan.

"Susulan itu, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Gombak telah mengeluarkan beberapa kali notis pengosongan termasuk yang terakhir minggu lepas supaya mereka mengosongkan kawasan, tapi mereka ingkar sebelum tindakan perobohan diteruskan mengikut Seksyen 425 Akta Kanun Tanah Nega-



Operasi perobohan sebahagian struktur premis bengkel jentera berat di Kuala Garing semalam.

ra," katanya ketika ditemui di lokasi operasi perobohan di Kuala Garing di sini semalam.

Operasi perobohan itu diketuai PDT Gombak serta dibantu oleh MPS bersama agensi-agensinya termasuk pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Pengairan Saliran (JPS) dan lain-lain.

Mengulas lanjut, Shamsul Shahril Badliza berkata, hanya

sebahagian premis bengkel jentera berat dirobohkan semalam berikutan pemilik premis itu memohon tempoh pengosongan dilanjutkan.

"Mereka diberi masa satu atau dua hari untuk mengalihkan peralatan," katanya.

Terdahulu, tiga daripada lapan premis haram di tepi Sungai Rawang telah diambil tindakan pada 24 November dan 1 Disember lalu.



**KERATAN AKHBAR**  
**9 December 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kolam ternak ikan keli punca sungai tercemar
Muka Surat	:	24

# Kolam ternak ikan keli punca sungai tercemar

Tiada kelulusan kebenaran merancang, beroperasi tanpa lesen MDHS

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

**RAWANG**

Sebuah syarikat kolam ternakan ikan keli di Hulu Selangor dipercayai menjadi punca kepada pencemaran bau seakan bangkai hingga mengakibatkan Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang dan LRA Sungai Selangor Fasa (SSP) 1, 2 dan 3 di sini dihenti tugas secara berperingkat bermula malam kelmarin.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asli, Hee Loy Sian berkata, sebuah daripada 57 kolam ternakan milik syarikat itu berkeluasan 40 hektar itu didapati melepaskan air tercemar kira-kira 100 meter daripada Sungai Selangor.

Menurutnya, hasil tinjauan mendapati tanah itu mempunyai hak milik untuk kegunaan



Loy Sian melihat sampel air yang menyebabkan pencemaran di Sungai Selangor pada sidang akhbar di Stesen Sementara Pemantauan Kualiti statik DI C14/C22 Sungai Selangor di Rawang semalam.

ternakan air, tetapi malangnya tiada kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dan beroperasi tanpa lesen Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

“Kita dapati mereka (syarikat ternakan) mengambil masa selama tujuh hari untuk melepaskan air (tercemar) ke Sungai Selangor dan semalam yang terakhir.

“Kerja-kerja pengeringan sebuah kolam ternakan itu masih sedang dijalankan pihak

syarikat terbabit,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Stesen Sementara Pemantauan Kualiti statik DI C14/C22 Sungai Selangor di sini semalam.

Loy Sian berkata, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sudah membuat laporan polis berhubung insiden terbabit untuk tindakan dan siasatan selanjutnya.

“LUAS juga sudah mengambil enam sampel air untuk dihantar ke Jabatan Kimia,” katanya.

Beliau memberitahu, LUAS juga akan membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 79 akta yang baharu diluluskan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor dengan memperuntukkan hukuman minimum RM200,000 dan maksimum RM1 juta manakala penjaranya tidak kurang tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

“Selain itu, kita berharap polis menjalankan siasatan mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan iaitu melakukan khianat dengan menyebabkan bahan buangan dilupuskan ke dalam sungai,” katanya.

Beliau berkata, sebanyak 11 kes pencemaran sungai Selangor dilaporkan sepanjang tahun ini manakala dua daripadanya membabitkan kolam ternakan ikan keli.

**LAGI GANGGUAN BEKALAN AIR**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**8 December 2020**

Akhbar	:	AlHijrah
Tajuk Berita	:	Tiga Premis Haram Diroboh MPS Telah Keluar Notis Banyak Kali
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**8 December 2020**

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Bekalan Air Dijangka Pulih Secara Berperingkat Bermula 3.00 Petang
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**8 December 2020**

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Bekalan Air Dijangka Pulih Secara Berperingkat Bermula 3.00 Petang
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**8 December 2020**

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Kali Pertama LUAS Buka Kertas Siasatan Di Bawah Seksyen 79
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**8 December 2020**

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Tinjauan Pencemaran Air
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>8 December 2020</b>		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Bekalan air pulih di 430 kawasan pulih - Air Selangor
Muka Surat	:	-

Rabu, 9 Disember 2020, 7:54am

App Store
Google Play
Facebook
Twitter
Instagram
YouTube

---

BERITA
SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HUJUNG MINGGU
BH KAPSUL
